

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Elaun sewa: PM sedia jumpa Cuepacs

KOTA BAHARU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad akan mengadakan rundingan dengan para pemimpin CUEPACS bagi menyelesaikan masalah tuntutan elaun sewa rumah kira-kira 500,000 pegawai dan kakitangan sektor awam dalam kategori tingkatan tertinggi "G" ke bawah.

Bagaimanapun, beliau masih belum menetapkan tarikhnya dan akan menentukan masa yang sesuai bagi membincangkan masalah itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam tuntutan CUEPACS itu demi kepentingan bersama dan akan menyelesaikan secepat mungkin.

Katanya, Kerajaan tetap mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah dalam melaksanakan satu-satu tugas terutama perkara yang berkait rapat dengan kepentingan rakyat.

CUEPACS dalam tuntutannya meminta Kerajaan membayar elaun sewa rumah kepada pekerja-pekerja di bawah tingkatan tertinggi "G" ke bawah dengan kadar antara \$75 dan \$275 sebulan.

Tuntutan tersebut memandangkan Kerajaan telah membayar elaun sewa rumah kepada pegawai dan kakitangan dalam kategori tingkatan tertinggi "G" ke atas dengan kadar antara \$340 dan \$2,000 sebulan bermula 1 Julai 1980 lagi.

Berhubung sama ada tuntutan tersebut dapat menjejaskan kedudukan ekonomi negara berikutan kemelesetan ekonomi dunia sekarang, Perdana Menteri berkata, "kedudukan itu akan saya jawab bila saya mengadakan rundingan dengan para pemimpin CUEPACS nanti".

Datuk Seri Dr. Mahathir ketika ditemuai selepas merasmikan mesyuarat agung Perwakilan UMNO bahagian Kota Baharu petang ini memberitahu, beliau berterima kasih kepada pihak CUEPACS yang turut sama memainkan peranan menenteramkan pertanyaan-pertanyaan dari para ahlinya sebelum pilihanraya umum lalu.

No. Siri

No. Penerbitan